

**AL-USTAZ HAJI WAN HUSIN BIN WAN OSMAN AL FATHANI
SEORANG TOKOH MASYARAKAT PATANI DARUSSALAM - SATU
KAJIAN RINGKAS**

Idi Bin Hamdi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

idi.hamdi@kuis.edu.my

Abdullah Saleah

Universiti Sains Islam Malaysia

abdulloh@usim.edu.my

Muhammad Haron Husaini

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)

muhdharon@kuis.edu.my

ABSTRAK

Kertas kerja ini merupakan satu kajian ringkas tentang seorang tokoh ulama Melayu Islam yang masyhur di tanah Melayu Patani Darussalam iaitu Al Ustaz Haji Wan Husin bin Wan Osman Al Fathani ataupun dikenali dengan nama gelarannya “Ustaz Basri Dewani” abjektif kajian ini adalah untuk memperkenalkan biodata beliau dalam dakwah dan perjuangan serta sumbangannya dalam pendidikan Islam dan bahasa melayu di bumi Patani Darussalam khususnya dan negara Thailand umumnya. Al Ustaz adalah seorang guru bahasa Melayu dan pendidikan Islam yang menguasai pelbagai bidang ilmu agama Islam. Setelah kembali daripada belajar di Institute Pendidikan Islam – API beliau telah menjadi seorang tenaga mengajar di sebuah sekolah agama dan mengajar pengajian Islam dan bahasa melayu. Beliau telah melahirkan ramai murid yang seterusnya berperanan dalam masyarakat dan membuka lebih banyak pondok dan sekolah agama di tempat yang lain. Hasil kajian mendapati bahawa al ustaz telah berkhidmat hampir selama 40 tahun dalam memainkan peranan yang amat penting dalam usaha mengembang agama Islam dan perjuangan Islam kepada masyarakat Islam di bumi Patani Darussalam khususnya dan Thailand umumnya.

Kata kunci: Pendidikan Islam, Bahasa melayu, Patani Darussalam.

Pendahuluan

Sejarah ringkas Negara Patani¹

Patani dahulu adalah sebuah negara yang transisi dari kerajaan Melayu Tua yaitu Kerajaan Langkasuka, pada masa itu kerajaan Langkasuka agama resminya adalah agama Hindhu-Budha tetapi juga ada perbezaan pendapat di beberapa sumber iaitu kerajaan Langkasuka tidak

¹ Rumusan dari Kitab Perjuangan Melayu Patani, Nik anuar Nik Mahmud

beragama. Pada abad ke 7 Langkasuka berada di bawah naungan kerajaan Sriwijaya yang pusatnya berada di Palembang Indonesia. Kemudian digantikan menjadi Negara Patani dan pada abad ini juga agama Islam mulai masuk ke Patani, pada abad ke 15 dan berkembang pesat sehingga raja Sultan Ismail Syah (Raja pertama) dan pembesar-pembesar memeluk agama Islam dan negara Patani diresmikan menjadi sebuah Negara yang beragama Islam pada abad ke 15. Kemudian diganti nama lagi menjadi Negara Fathoni Darussalam atau Darul-Ma'arif. Dengan jasa seorang da'i yang berasal dari Pasai yang bernama Syekh Said yang mendakwah Islam di Patani atau Fathoni Darussalam.

Patani terkenal dengan Negara yang kaya raya, dengan memiliki pelabuhan yang sangat terkenal di dunia luar dengan namanya selat Patani. Karena Patani terkenal sebagai Negara pusat pelabuhan dan memiliki sumber daya alam yang cukup besar, maka dicemburui oleh sebuah Negara dibagian utara yaitu Kerajaan Siam atau terkenal pada masa kini yaitu Negara Thailand. Maka Kerajaan Siam memperluaskan wilayah dan mau menaklukkan sebuah Negara Melayu ini sehingga adanya beberapa kali peperangan antara Siam dengan Patani, dan akhirnya Siam berjaya menaklukkan sebuah negara Patani dan negara Patani menjadi negara dibawah jajahannya pada akhir abad ke 18 (1785 M.). dan setiap tahun Patani harus mengirim upeti kepada Kerajaan Siam.

Setelah negara Patani dijajah Siam, rakyat Patani yang masih sedar bahwa mereka adalah rakyat Patani yang ibu pertiwinya dijajah maka lahirlah perlawanan rakyat lokal sebanyak sepuluh gerakan mulai sejak tahun 1789-1922 M.

Setelah Patani dijajah Siam, pada tahun 1816 M. Kerajaan Siam memecahkan negara Patani dibagi menjadi tujuh negeri kecil yaitu Negeri Patani, Nongcik, Saiburi, Legeh (Rangek), Yaring, Raman dan Jala.

Pada tahun 1832 M. Pemberontak ini secara besar-besaran dan habis-habisan menentang Siam, pemberontak Patani bekerjasama dengan Kedah, Kelantan dan Terangganu. Akhirnya kalah parah, dengan kemarahan Siam terhadap Patani maka di rampas harta dan peralatan di Patani. Dan rakyat Patani sejumlah 4.000 orang di ditangkap dan di jujuk keting (tungkai belakang ditusuk rotan agar tidak bisa lari) kemudian dibawa ke Bangkok dan menjadi tawanan serta dipaksa menggali sungai Sin Seb.

Pada tahun 1902 penghapusan sistem kesultanan atau sistem kerajaan di kawasan Patani dan pada tahun ini juga Patani diresmikan menjadi sebagian Siam (Thailand).

Pembagian negara Patani kali yang kedua Pada tahun 1906 dibagi menjadi Empat negeri yaitu Patani, Jala, Saiburi dan Legeh (Rangek). Pada tahun 1909 Perjanjian Anglo antara Siam-Inggris, Hasilnya yaitu Patani dan Setul tetap di bawah penjajahan Siam sedangkan Kedah, Kelantan, Terangganu dan Perlis termasuk dalam wilayah jajahan Inggris.

Pada tahu 1932 M. negara Patani dirasmi menjadi provinsi di wilayah Thailand Selatan (3 Provinsi) :-

1. Provinsi Pattani
2. Provinsi Yala.
3. Provinsi Narathiwat.

Pada tahun 1949 M. Lahirnya gerakan otonomi khusus, yang dipimpin oleh Tuan guru Hj. Sulong, pada kali ini H.Sulong mengajukan tuntutan 7 tuntutan kepada kerajaan Siam, tetapi semua tuntutan ditolak oleh kerajaan Siam dan akhirnya H.Sulong dihilangkan oleh kerajaan Siam pada malam Sabtu tanggal 13 Agustus 1954 M. dan selepas beberapa tahun tuan guru hj

sulong dihilangkan lahirilah sebuah organisasi revolusi bersenjata Patani pertama menuntut kemerdekaan hingga sekarang itu Barisan Revolusi Nasional (B R N) pada 13 Mar 1960 m.

I. Barisan Revolusi Nasional B R N²

1. BRN. adalah Barisan Revolusi Nasional Melayu Patani didirikan pada 13 mac 1960 m. oleh Ustaz Ahmad Bung dan Hj. Amin Hj Sulung Tokmina di ulu Negeri Patani.

2. Tanggal 13 mac 2020 m. akan datang ini genab 60 tahun berdirinya BRN sebagai organisasi pergerakan kemerdekaan Patani yang tentu sudah banyak fikrahnya dalam perjuangan Islam yang menelan masa lebih dari setengah abad ini.

3. BRN lahir sebagai lanjutan dan penyambung perjuangan Hj Sulung bin Abdul Kadir, sebagai tokoh Ulama dan pimpinan politik perjuangan rakyat Patani (1895-1954 m.)

4. BRN lahir dalam suasana bangsa Melayu Patani putus pimpinan perjuangan rakyat, sedangkan pehak imperialis-kolonialis Siam dengan giat melancarkan program-program siamisasi di segala bidang, program asimilasi dan penetrasi sosial budaya dan program transmigrasi kepedudukan dan Land Reform orang Siam di tanah air Negeri Patani.

5. BRN bercita-cita dan berjuang memerdekakan Patani secara mutlak dari penjajah Siam dengan membangun masyarakat yang adil dan makmur dalam rangka menegakan dan mendaulatkan syariat Islam dalam masyarakat Negara Patani yang merdeka dan berdaulat.

II. Pola Perjuangan BRN

1. Pola perjuangan kaum terjajah melawan kaum penjajah

2. Pola perjuangan kaum tertindas melawan kaum penindas

3. Pola perjuangan golongan kecil melawan golongan besar

4. Pola perjuangan kaum mustadh'afin melawan kaum mutakabirin

5. Pola perjuangan ummat Islam Bangsa Melayu Patani melawan penjajah Siam Kafir Harbi.

III. Landasan Perjuangan BRN

1. Landasan nasional.

1.1 Perjuangan BRN berasaskan Islam dan Keimanan, berdasarkan Kesatuan, Kebebasan dan Keadilan dengan memikul amanah membebaskan Negeri Patani daru penjajah Siam, membangun masyarakat yang adil dan makmur serta menegakan syariat Islam dalam masyarakat Negara Patani yang merdeka dan berdaulat.

1.2 Perjuangan BRN berlandaskan kepada nasionalisme mai, tetapi lebih cinta kepada kemerdekaan. Berdasarkan kesatuan sejarah, kesatuan nasib, kesatuan kebudayaan, kesatuan atas keruhanian dan kesatuan aqidah.

1.3 Perjuangan BRN berlandaskan hak asasi manusia Melayu Patani dalam membebaskan bangsa dan memerdekakan tanah air Patani dari penjajah Siam dan untuk hidup bebas dari imperialisme dan kolonialisme dalam segala bentuk dan manifestasinya, hak asasi dalam menentang dan menolak penindasan, penzaliman, diskriminasi, eksploitasi dan rasialisme, apartheid dan zionisme, dan hak asasi dalam mempertahankan agama dan kepercayaannya, diri dan jiwanya, aqal pikirannya, harta pusakanya, nasab keturunan dan marwah bangsanya.

1.4 Perjuangan BNR berlandaskan hak pertuanan Melayu Patani iaitu hak atas tanah air/ Negara Patani sebagai kurnia Allah kepada bangsa Melayu Patani yang merupakan hak warisan secara turuntemurun. Hak atas kepimpinan dan pemerintahan di tangan orang-orang melayu

- ² Majalah Surat (Suara Rakyat Patani) Edisi 22,23,24

dalam rangka mengatur kesejahteraan rakyat. Hak atas Islam sebagai agama rakyat Patani dengan kewajipan menegakkan syariatnya. Hak atas bangsa dan kebudayaan melayu sebagai identity dan jati diri bangsa dan hak katas keistimewaan bagi kepentingan orang-orang melayu sebagai pribumi atau Bumiputera.

1.5 Perjuangan BRN berlandaskan amanah penderitaan rakyat (AMPERA) iaitu menentang imprialis/penjajah, menyatukan segenap lapisan masyarakat, menegakkan kemerdekaan bangsa dan Negara, membangun masyarakat yang adil dan makmur serta menjalankan syari'at Islam.

2. Landasan Internasional

2.1 Piagam Atlantik (Atlantic charter) 14 ogos 1941 menetapkan “tidak boleh ada perluasan daerah tanpa persetujuan penduduk asli, setiap bangsa berhak menentukan dan menetapkan nasib bangsa sendiri, setiap bangsa berhak mendapatkan kesempatan untuk bebas dari rasa takut dan bebas dari kemiskinan.

2.2 Piagam San Francisco (San Francisco Charter) 24 ogos 1945. “kami akan menegakkan keyakinan akan dasar-dasar hak manusia sebagai manusia sesuai dengan harkat dan darjat manusia berdasarkan atas hak yang sama serta berusaha memajukan rakyat dan tingkat kehidupannya yang lebih baik dalam suanan kemerdekaan yang lebih luas”.

2.3 Deklarasi hak-hak asasi manusia universal (universal Declaration of Human Rights) 10 Disember 1948 “semua bangsa memiliki hak penentuan nasib sendiri atas dasar mana mereka bebas menentukan setatus politik mereka dan bebas melaksanakan pembangunan ekonomi dan budaya mereka”.

2.4 Konvenen internasional tentang hak sivil dan politik 16 Disember 1968 “ yang menjamin hak-hak individu dan berdasarkan konvenen internasional, hak-hak sivil dan politik yang menjamin hakhak kolektif di dalam mana hak penentuan nasib sendiri ditetapkan”.

2.5 Konfrensi Asia-Afrika (dasa sila Bandung) 1-6 september 1955 “menghormati sifat dasar manusia dan tujuan-tujuan serta asas yang termuat dalam piagam PBB, menghormati kedaulatan dan intergrasi teritorial semua bangsa, mengakui persamaan ras dan persamaan semua bangsa baik besar ataupun kecil, dan menghormati hakhak tiap-tiap bangsa untuk mempertahankan diri secara sendirian atau secara kolektif yang sesusai dengan piagam PBB”.

IV. Hasil-hasil perjuangan BRN

- 1.Membentuk organisasi pergerakan perjuangan BRN.
- 2.Mencetak pemimpin, kader dan anggota perjuangan yang progresif dan revolusioner.
- 3.Mengideologikan masyarakat dan memasyarakatkan idielogi perjuangan.
- 4.Menggariskan polisi dan program perjuangan yang strategis.
- 5.Mengoragiser massa rakyat.
- 6.Membangun jiwa revolusi masyarakat.
- 7.Hasil segala pemikiran perjuangan rakyat.
- 8.Menciptakan wilayah perjuangan yang kompak.
- 9.Membangun kepercayaan kepada kemampuan dan keuletan bangsa sendiri.
- 10.Menyebarkan ajaran agama dalam menegakan jihad fi sabillah.
- 11.Membangun ekonomi berdikari dan pengorbanan rakyat yang tinggi.
12. Mendirikan angkatan perang.
- 13.Menjalin hubungan diplomatic dengan negara luar.

Masa berlalu peperangan di Patani masih lagi lanjut sampai tahun 2004 erabaru cetusnya gerakan revolusi bersenjata sampai saat ini masih berperang dan tidak tahu sampai bila peperangan ini akan berakhir.

Tarihk lahir dan status keluarga

Al-Fadhil al ustaz wan husin bin wan osman tokdewa al fathani atau dikenali dengan nama ustaz Basri dewani dilahirkan pada 1 March 1944 M. di kampung tokdewa, mukim pohon durian, daerah Yarang (Jeram), wilayah Pattani. Ayahnya wan osman tokdewa ibunya wan Maryam tokdewa dari keluarga Melayu Patani yang sederhana dan dari keturunan tokbendang daya seorang tokoh ulama silam Patani Darussalam. Nama lengkap Tok Bendang Daya ialah Syeikh Haji Wan Mushthafa bin Wan Muhammad bin Wan Zainal Abidin /Faqih Wan Musa bin Wan Muhammad Shalih bin Ali al-Masyhur al-Laqihi. Beliau lahir tahun 1160 H/1747 M, wafat tahun 1280 H/1863 M, di Kampung Bendang Daya, beliau seorang ulama yang menjadi panglima dalam sistem Daulah Fathani Darus Salam. Beliau diantara beberapa ulama terlibat dalam perang melawan pencerobohan Siam ke atas Patani dan Kedah, dan membuka sistem pengajian pondok yang pertama paling ramai pelajarnya di dunia Melayu dan terakhir pernah sekali cerita berjumpa Lailatul Qadar.

Al Fadhil al ustaz berdiri rumah tangga dengan al fadhilah al ustazah siti rahmah binti haji ahmad ilyaso` al kelantani beliau adalah anak gadis seorang ulama dari kampong bendang damar, mukim kabang, daerah kabang, wilayah Yala (Jalur), pada usia 30 tahun lebihkurang dan mendapat cahaya mata sebanyak 4 orang 3 lelaki dan 1 perempuan yaitu Aman, Amin, Benyamin dan Huda. Beliau mempunyai 6 adik beradik yaitu wan hafisah, beliau sendiri, wan aisyah, wan ahmad, wan ismail, dan wan fathimah.

Pendidikan awal

Di Patani Darussalam

- Mulai belajar asas bacaan dan asas ugama dengan ibu dan ayahnya dan dipondok pohon durian, yarang, patani yang berdekatan dengan kampongnya.
- Sekolah rendah kebangsaan kampung precam, Yarang, Patani. Belajar selama 4 tahun (Siam:Ban prachan, po 1-4)
- Sekolah menengah kebangsaan pintu mudi, bandar Yarang, patani. Belajar selama 2 tahaun (siam ban pratu po, moso 1-2)
- Pondok cabang empat, yarang patani dan duduk belajar bersama dengan pak suadaranya wan yunus tokdewa belajar selama 2 tahun (Pondok baba haji Abdullah)
- Pondok kampong bangol seteng, Yala. Belajar selama 5 bulan (Pondok baba haji cikya) diantara kawannya yang belajar disitu ustaz hasan iroq lampaya (ustaz sekolah haji haron jala) , ustaz abdurrahman telimoh (bekas imam masjid kampong telimuh) dan lain-lain.
- Pondok padang ru, Jaha, Yala. belajar ketika berumur lebeh kurang 17 tahun selama 4 tahun (Pondok baba haji Abdurrahman padang ru) diantara gurunya cikgu Osman kedah dan cikgu cikhamid kelantan (waris sebelah isterinya).belajar selama 4 tahun.

Di Kelantan Darulnaim

- Ketika umur mencecah 21 tahun mulai bergerak untuk belajar di negara jiran Malaysia yang diajak dan ditunjuk ajar oleh abang man tokdewa sepupunya. bermulanya di madrasah nurulhuda, Lubuk gong, Rantau panjang, Kelantan, Malaysia. Belajar selama 5 bulan.
- Madrasah takaddom ilmi, ketereh, kelantan. Belajar selama 5 bulan

- Madrasah asriyah, Wakaf baru, Kota baru, Kelantan, belajar selama 3 tahun (kelas 7-9)

Pendidikan tinggi

-Pada tahun 1969 M lebehkurang. melanjutkan pelajaran ke Institute Pendidikan Islam- API, deploma pendidikan Islam, belajar selama 2-3 tahun, institute ini terletak di kampung Langgar, Kota baru, Kelantan yang diasas oleh tuan guru haji abdulkarim hasan beliau juga selaku pengasas madrasah nahdahtul syubbah, peda, jabat. Naratiwats (menara).

(Belajar Sejenerasi dengan ustaz muhktar waba bekas wakil rakyat thailand, ustaz ramli utrasin, ustaz suhaimi yarang, ustaz abdulrasyid lakha, ustaz Muhammad sudin jabat, Dr ibnu hajar pensyarah di sebuah universiti Bangkok, ustazah siti rahmah haji ahmad kelantani (isteri beliau))

Kerjaya

- Tahun 1973 – 2004 Tenaga pengajar/ustaz Ma’had Al-bi’that Ad-diniah /Sekolah Haji Harun (Thamma witaya Mulniti), Bandar Jala.

-Ahli jawatan kuasa, Badan kebajikan Islam Jala. (Muasasah As-Saqafah Al-Islamiah) Jala.

-Ahli jawatan kuasa pengasas Jamiah Islam Syeikh Daud Al-Fathoni (JISDA), Jala.

- Tenaga mengajar di Madrasah addakwah al Islamiah, seligi, pasir puteh, kelantan. Diantara tahun 2005 -2010.

Jawatan dalam masyarakat

-Imam khatib dan ahli jawatankuasa, Masjid Nurul kamal, kampung Bandang damar, Daerah Kabang, Wilayah Yala.

-Ahli jawatan kuasa Majlis agama Islam wilayah yala.

-Timbalan khadi syar`i dharuri, Majlis agama Islam wilayah yala.

- Pengasas bersama, madrasah tarbiyatul atfhal, kampung bandang damar, daerah Kabang, wilayah Yala.

- Pengasas bersama, pusat raudatul atfhal, kampung bandang damar, daerah Kabang, wilayah Yala.

- Penasihat bersama, madrasah daril Islami, kampung bandang damar, daerah Kabang, wilayah Yala.

- Ahli jawatan kuasa, Dewan syura ulama dan umah, kumpulan wahdah, parti harapan baru, Thailand.

- Pengasas bersama Majalah Azan, sebuah majalah melayu pertama yang pernah terbit di bumi Patani Darussalam pada awwal tahun tujuh puluhan, Dengan nama gelarannya “Basman Dewani”.

Bekerja dan Berhijrah

Apabila al ustaz tamat pengajiannya pada tahun 1973 dalam deploma pendidikan Islam kota baru kelantan, beliau ada hasrat untuk menyambong pengajiannya diperingkat ijazah di mesir atua di indonesia tetapi dengan keadaan ekonomi tidak mengizinkan maka beliau terpaksa tangguh hasratnya dan beliau mula melangkah alam pekerjaan dengan menjadi tenaga mengajar di sebuah sekolah ugama Islam dibandar Yala itu di Ma’had Albi’that Ad-diniah /Sekolah Haji Harun selepas dapat nasihat dari gurunya al ustaz Ahmad bong sepaya beliau bertugas dan mengajar di Ma’had tersebut, beliau dapat menabur bakti dan mengajar disitu selama 30 tahun lebih.

Apabila kawan rapat dan sahabat seperjuangannya itu Haji Syafi'i Abdulrahman Baso yang terkenal sebagai Tokoh Pendidikan/ tokoh agama yang dihormati masyarakat Patani khususnya dan terkenal masyarakat melayu amnya, Beliau Mantan pengetua (mudir) Ma'had Albi'that Ad-diniah /Sekolah Haji Harun, Bandar Jala. yang menjadi antara institusi pendidikan Islam utama di wilayah Jala dan Selatan Thailand (Patani). juga sekolah agama rakyat terbesar di Negara Thai. Yang mana Haji Syafi'i mendapat kepercayaan tinggi dari mertuanya Dr.Haji Harun Sulong untuk memimpin sekolah tersebut pada tahun 1975 M. hingga 30 tahun lamanya sampai tahun 2005 M beliau dituduh mengetuai dalam insiden perompokan senjata sebanyak 413 laras di Kem Pileng, Menara pada tahun 4/1/ 2004 dan beberapa insiden lagi di kawasan Jala. juga dituduh sebagai antara pemimpin utama kumpulan pejuang kemerdekaan Patani Darussalam yaitu Barisan Revolusi Nasional (BRN). yang berjuang kearah "Patani Merdeka". Beliau dilaporkan melarikan diri ke Malaysia selepas dia diburu pihak berkuasa Thailand.

Pada 14 Desember 2004 M. beliau dikeluarkan Waran tangkap oleh Jabatan Penyiasatan khusus Thai (Department of Special Investigation/DSI). dibawah Kementerian kehakiman Thai. Atas arahan timbalan Jabatannya Col.Pol.Tawee Sodsong (mantan setiausaha agung SBPAC). Sehingga beliau menghilangkan yang jelas bahawa beliau akan dicolek atau dibunuh dengan suatu aksiden merempuh keretanya pada pertengahan jalan menuju kesekolah atas arahan daripada Ketua polis wilayah Jala. Col. Pol.Narasak Chiangsuk. Kerajaan Siam menawarkan hadiah tangkapan 5,000,000 bath(Lima juta bath/kop) dan Pada 11 Januari 2005 M. menambahkan kepada 10,000,000 bath/ kop (sepuluh juta bath) kepada sesiapa saja yang memberi data kepada kerajaan. Dan ramai lagi kawan2 yang mengajar barsama dengannya di sekolah yang sama dikena tangkap maka alfadhil al ustaz Basri Dewani pon mengambil keputusan yang sama untuk berhijrah ke negara jiran Malaysia itu pada 23/12/2004 hingga sekarang sebagai mengambil langkah keselamatan diri dan keluarga.

Dan di Kelantan juga al ustaz menyambong tugasnya selaku seorang yang lama dalam dunia pendidikan untuk terus menabur bakti maka beliau jadi guru mengajar beberapa tahun di sekolah madrasah addakwah alIslamiah kampong seligi, pasir puteh. Diantara mata pelajaran yang beliau pernah mengajar itu Bahasa melayu, dan maddah agama. Dan Bahasa melayulah yang paling lama beliau mengajar.

Peribadi

- Suka membaca

Boleh dilihat setiap minga beliau akan bawa balik kerumahnya majalah-majalah untuk dibaca diantara majalah yang sering dapat dan beli iyalah majalah kiblat dan majalah pengasuh.

-Patuh dan taat kepada guru

Boleh dilihat ketika mana beliau mula-mula handak mengajar maka beliau mengambil padangan dari gurunya Ustaz Ahmad Bong dahulu sebelum menuju kealam pekerjaan maka gurunya memberi nasihat dan pandangan untuk beliau mengajar di sebuah sekolah agama di bandar jala dan dan sentiasa bersama dengan tuan mudir di sekolah itu dan jangan tingalnya walau keadaan apa-apa sekalipun.

- Berjiwa khidmat

Boleh dilihat beliau mengadakan program-program agama di masjid-masjid dan kampong – kampong di kawasan patani seperti program tahun baru hijrah, maulidurrasul, dan ceramah

ugama setiap jumaat. diwaktu malam selepas magrib mengadakan kelas mengaji alquran dirumahnya.

-Tidak konfromis

Beliau tak pernah hadir jemputan seminar/upacara kenegaraan thai/ kursus/melancung yang dianjurkan oleh pihak kerajaan. Tak pernah hadir berjumpa dengan pembesar kerajaan Siam seperti gebenor wilayah, ketua daerah atau lain-lain, demi untuk menjaga marwah dan ugama.

-Berani menghadapi kebenaran

Beliau tetap dan teguh dalam pendiriannya terutama dalam perjuangan walaupun ramai kawan dan kenalannya berpindah arah dalam perjuangan mereka, tetapi beliau tetap dan tegun dalam wadah perjuangannya sehinga terpaksa berhijah kenegara jirannya.

-Berdisplin tegas

Beliau sangat tegas terutama masalah displin, terkenal seorang “Beking”(garang) yang sebenar beliau bertegas dalam suatu prinsip, tidak benar menghisap rokok, beliau amat mengambil berat soal kebersihan, dapat dilihat senantiasia memantau kebersihan rumahnya dan sekitarnya , menjadi kebiasaan melihat beliau memungut sampah dihalaman rumahnya sendiri.rumahnya sentiasa kemas dan bersih.

-Arif dan Bijaksana

Dalam dakwan, beliau suka mengambil pendekatan dakwahnya dengan cara baru tidak hanya mengajar di masjid2 dan surua2 seperti dahulu tetapi beliau mengadakan dakwahnya berbentuk ceramah dan forum yang mana cara ini belum terdapat lagi dikawasan Patani ketika itu, dalam dakwah, beliau tidak sentuh langsung hal kilafiah/masalah forok dalam agama kerana bimbangankan perpecahan ummat.

-Kuat jati diri.

Beliau suka dan menggalakkan memakai baju melayu atau baju MIP (Melayu Islam Patani) terutama ketika bertugas disekolah dan dalam urusan ugama. Beliau juga tak pernah perucap depan barisan dan mesyawarat umum dengan Bahasa Siam walaupun ramai guru beragama budha bercakap Siam.

-Tepat pada janji dan kata-kata

Dapat dilihat pada musyawarat guru atau suatu perjanjian dengan seseorang beliau telebih dahulu tadang ketempat musyawarat, tidak pernah memungkiri janji dan tegas dalam berpendirian.

- Kemas dan teliti.

Beliau suka suatu perkara yang diusaha itu pasti kemas dan teratur, boleh dilihat dalam berpakaianya dan dirumahnya penuh dengan pokok-pokok bunga untuk hiasan rumahnya . Dan teliti dalam makanannya beliau tidak akan beli makanan malaikan bersih dan halal

-Suka bercucuk tanam dan ternak binatang

Beliau suka bercujuk tanam boleh dilihat beliau akan kekebun setiap pagi sebelum pergi mengajar kesekolah dan setiap petang selepas balik dari mengajar, disamping itu beliau suka

ternak dan membela binatang boleh dilihat dirumah beliau sediri banyak binatang yang ditenak seperti ayam, itik, borong merpati, kambing, lembu dan lain.

-Suka menyambut tetamu

Boleh dilihat rumahnya sering didatangi tetamu dan beliau akan menyambut tetamu dengan baik dan beliau juga gemar mengadakan jamuan di rumah.

Penutup

Para ulama dan perkembangan Islam di Patani mempunyai pertautan yang rapat dan tidak boleh dipisahkan. Peranan dan sumbangan mereka di Patani juga tidak dapat disangkal lagi iaitu sebagai guru, ustaz dan rujukan agama secara umumnya. Karier seorang guru merupakan tugas yang mulia dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan mewarisi tugas Rasulullah s.a.w. Oleh itu, peranan dan sumbangan mereka tidak boleh dipandang kecil kerana mereka telah melahirkan ramai anak murid yang kemudian menjadi ulama dan ilmunan, sekarang yang secara tuntasnya berjaya membentuk sahsiah Muslim yang taat dan patuh dengan ajaran agama Islam dan berjati diri . Dengan keberkatan usaha mereka juga maka keaslian ajaran Islam dapat dipelihara dan kesedaran terhadap agama semakin bertambah di kalangan generasi seterusnya. Justeru itu, adalah wajar bagi kita mengenang jasa dan sumbangan mereka kerana tiada yang dapat membalas bakti yang mereka curahkan kecuali Allah s.w.t. sahaja, semoga Allah setiasa memberi kebaikan kepadanya dan keluarga sehinga kehari kiama dan kejayaan hasanah dunia dan hasanah akhirat.



Gambar Al Fadhil Al Ustaz Basri Dewani bersama isteri



Gambar Al Fadhil Al Ustaz Basri Dewani dan sahabat2Nya.
Yang Berdiri Sebelah kiri Adalah Tuan Guru Haji Syafi'i Bin AbdurRahman Al Fathani



Patani Darussalam



Majalah Azan



Sekolah Haji Haron- Bandar Yala

Rujukan

Kitab Tarihk Patani, Syaik Daud al fathani.

Kitab Perjuangan Melayu Patani, Nik anuar Nik Mahmud.

Majalah Surat (Suara Rakyat Patani) Edisi 22.

Majalah Surat (Suara Rakyat Patani) Edisi 23.

Majalah Surat (Suara Rakyat Patani) Edisi 24.

Temubual dengan Al Fadhil Al Ustaz Basri Dewani pada 13-14/3/2017 di Kelantan.

Temubual dengan Al Fadhil Al Ustaz Basri Dewani pada 12-13/10/2019 di Kelantan.